

**Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Gaji Minimum Ditubuhkan Bagi Perincian Dasar Bernama
13 Julai, 2012**

MUADZAM SHAH, 13 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia menubuhkan satu jawatankuasa pelaksanaan bagi memperincikan perkara berkaitan penetapan kadar gaji minimum bagi sektor swasta.

Timbalan Menteri Datuk Maznah Mazlan berkata jawatankuasa itu kini sedang giat mengadakan perjumpaan dengan para majikan, kumpulan pekerja dan pihak yang berkaitan bagi berunding mengenai beberapa perkara yang belum diputuskan sebelum dasar tersebut dilaksanakan.

"Ada permintaan yang mahu beberapa elaun dipertimbangkan untuk dimasukkan di dalam gaji pokok. Oleh kerana terdapat beberapa perkara yang belum diselesaikan, itu sebab ia (dasar) tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Taklimat Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Penyerahan Cek Pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) dan Penyampaian Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat di sini pada Jumaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Hari Buruh 1 Mei lalu mengumumkan mengenai kadar gaji minimum sektor swasta di mana Semenanjung Malaysia ditetapkan RM900 sebulan atau RM4.33 sejam, manakala bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM800 sebulan atau RM3.85 sejam.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680427>